

SPRM kaji maklumat DBKL

Jamin siasat secepat mungkin isu dakwaan melibatkan Afdlin Shauki

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang mengkaji maklumat berkaitan dakwaan salah laku seorang ahli lembaga penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang dikaitkan dengan pemberian projek bernilai RM4 juta.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya memberi jaminan siasatan akan dilakukan secepat mungkin sekiranya terdapat unsur rasuah.

Bagaimanapun setakat ini SPRM masih belum membuka sebarang kertas siasatan.

"Jika nampak isu integriti atau tata kelola siasatan segera akan dilakukan,

Isnin nanti kami kemas kini sama ada buka apa jenis siasatan sama ada jenayah atau tata kelola.

"Kalau berlaku dua-dua, bahagian siasatan akan dilakukan serentak dengan tata kelola," katanya dalam sidang akhbar pada Khamis.

Sebelum ini, DBKL melancarkan siasatan dalam-an berhubung dakwaan tersebut.

Dakwaan salah laku membabitkan ahli lembaga penasihat itu mula tular di media sosial, sejak Jumaat minggu lalu.

la membabitkan pelanggaran proses tadbir urus berkaitan perolehan projek kerja penerbitan bahan kreatif untuk DBKL bernilai RM4 juta, yang didakwa tidak diberikan melalui tender terbuka.

Bagaimanapun, dalam kenyataan susulan di media sosial, Datuk Afdlin Shauki menafikan dakwaan tersebut dan yakin isu berkenaan sengaja di-



AFDLIN SHAUKI

mainkan untuk memburukkan nama dan imejnya.

Jelas beliau, tuduhan terhadapnya adalah cubaan pihak tidak bertanggungjawab itu juga bermotifkan cemburu dan dendam.

Mengulas lanjut mengenai perkara tersebut, Azam berkata, siasatan perlu dilakukan kerana dikhuatiri mungkin timbul penganiayaan terhadap

individu tertentu.

"Ini kerana, bukan semua yang datang daripada maklumat awam sama ada keluar dari media sosial akan terus diambil tindakan. Sebab itu kita biarkan dulu DBKL buat siasatan dalaman.

"Ketua unit integriti memang ditempatkan di sana, pegawai saya juga terlibat dengan siasatan itu.

"Berdasarkan kerjasama yang baik daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Shari, mereka membekalkan dokumen kepada kami antaranya minit mesyuarat dan lain-lain," jelasnya.

